

Penglibatan Golongan Remaja Dan Orang Melayu Dalam Persatuan Filateli Malaysia : 1947 - 1997

Firdaus Abdul Rahman

Pensyarah

Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi Mara Kedah
firdaus396@kedah.uitm.edu.my

Nurul Aida Abd. Rahman

Guru

Sekolah Kebangsaan Sungai Baharu, Kuala Kurau, Perak
nur_aida74@yahoo.com

Nor Azlina Azmi

Pensyarah

Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi Mara Kedah
nazlina@kedah.uitm.edu.my

Nur Shaliza Sapiai

Pensyarah

Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi Mara Kelantan
shaliza@kelantan.uitm.edu.my

Anis Mardiana Ahmad

Pensyarah

Fakulti Komputer Sains dan Matematik, Universiti Teknologi Mara Kedah
anis513@kedah.uitm.edu.my

ABSTRAK

Filateli adalah satu bidang yang sudah lama bertapak di dunia dan diperkenalkan di Tanah Melayu ketika pentadbiran Syarikat Hindia Timur British lagi. Bahan-bahan filateli adalah khazanah negara yang sangat berharga dan dianggap sebagai wahana intelektual dan sosio-budaya yang penting dalam pembinaan sejarah sesebuah negara. Di Malaysia, Persatuan Filateli Malaysia berusaha memperkenalkan filateli dan mengembangkan untuk usaha menarik perhatian masyarakat dengan menginspirasikan hobi mengumpul bahan-bahan filateli terutamanya kepada golongan remaja sejak tahun 1947 lagi. Kemunculan teknologi maklumat telah membawa perubahan dalam hobi mengumpul bahan-bahan filateli dan urusan surat-menjurut. Golongan remaja yang membesar pada era 1990-an kurang didekah dengan budaya mengumpul setem dan penulisan surat seperti yang dilakukan oleh remaja di era tahun 1950-1980-an kerana mereka dipengaruhi oleh persekitaran yang serba pantas. Menjelang tahun 1990, keseluruhan sistem pos akan digantikan dengan teknologi maklumat. Oleh yang demikian, penghantaran surat menggunakan setem dan poskad sudah tidak relevan lagi. Pengenalan teknologi maklumat dan internet pada awal tahun 1990-an telah merubah persepsi dan pemikiran masyarakat Malaysia terutamanya golongan remaja. Dua dekad lalu, Pos Malaysia mengadakan program menjelajah ke sekolah-sekolah untuk memberi kesedaran kepada golongan remaja yang tidak menyedari akan kewujudan hobi mengumpul setem dan Persatuan Filateli Malaysia. Pada masa yang

sama, penulis akan mengupas persoalan tentang keahlian filateli remaja dan orang Melayu yang amat berkurangan dalam Persatuan Filateli Malaysia dan bidang filateli di Malaysia. Penglibatan orang Melayu didapati tidak begitu memberangsangkan jika dibandingkan dengan kaum Cina yang mendominasi bidang filateli. Justeru makalah ini bertujuan untuk menganalisis mengapakah penglibatan golongan remaja dan orang Melayu dalam bidang filateli di Malaysia amat berkurangan sedangkan filateli adalah sumber sejarah yang banyak berkait rapat dengan sejarah pembinaaan sesuatu bangsa.

Kata kunci: *Filateli, Persatuan Filateli Malaysia, sumber sejarah, dan remaja Melayu.*

PENGENALAN

Filateli adalah kegiatan mengumpul bahan-bahan yang dikeluarkan oleh pejabat pos seperti setem, poskad, sampul surat hari pertama, aerogram, alatulis pos, cap pembatalan setem, slogan, kad maksimum, lembaran mini, alatulis pos dan banyak lagi.⁶⁵ Secara amnya, konsep filateli bukanlah hanya terbatas kepada setem sahaja, namun merangkumi kajian mengenai sejarah pos. Bahan-bahan filateli adalah khazanah negara yang dianggap sebagai wahana intelektual dan sosio-budaya yang penting dalam pembinaan sejarah sesebuah negara. Menyedari kepentingan bahan-bahan ini, pengumpulannya berterusan dengan rancak sekali dan diberi perhatian berat oleh semua pihak filateli dan termasuklah keluarga diraja. Elemen-élémen filateli adalah peninggalan berharga dan dianggap sebagai harta kebudayaan negara⁶⁶ yang harus dipelihara dengan sebaik-baiknya.

Elemen filateli terutamanya setem menjadi dokumen rasmi kerajaan yang memaparkan maklumat mengenai aspek politik, ekonomi dan sosial sesebuah negara. Menurut sejarawan Donald M. Reid, "...stamps are excellent primary sources for the symbolic messages which government seeks to convey to their citizens and the world".⁶⁷ Manakala Brunn Stanley, ahli geografi yang mengkaji sejarah negaranya menerusi setem, mengibaratkan sumber setem sebagai, "Stamps provide an excellent "read" on a country's past and present with images, maps, colors and themes".⁶⁸ Menurut beliau, catatan peristiwa masa lalu telah diadaptasikan di atas bahan-bahan filateli seperti setem dan poskad dalam konsep "teks visual".

Sejarah filateli di Malaysia bermula apabila setem Negeri-negeri Selat menjadi perintis kepada pengenalan penggunaan setem. Pada tahun 1854, setem pos India telah digunakan di Negeri-negeri Selat semasa pemerintahan British.⁶⁹ Penubuhan kelab filateli

⁶⁵ Elemen-élémen filateli boleh dibahagikan kepada pengumpulan bahan-bahan pos seperti yang ditunjukkan di bawah ini. Lihat W.A. Robertson, "Another Ship Letter Story", *The Journal of British Philatelic Association*, 4(4), Julai-Ogos 1962, hlm. 58.

⁶⁶ Mohd Kassim Ali, "Pengenalan Harta Kebudayaan Negara", PURBA, Bil. 5, 1986, hlm. 40. Harta kebudayaan bermaksud bahan-bahan peninggalan orang-orang tua atau manusia terdahulu daripada kita. Ia merangkumi apa sahaja bahan yang dibuat oleh manusia dan mempunyai hubungkait dengan alam semula jadi.

⁶⁷ Donald M. Reid, "The Symbolism of Postage Stamps: A Source for the Historian", *Journal of Contemporary History*, Jil. 19, 1984, hlm. 223.

⁶⁸ Temuramah melalui e-mel dengan Profesor Stanley D. Brunn, 28 Disember 2013.

⁶⁹ F.E. Wood, *Straits Settlements Postage Stamp, Kuala Lumpur: Selangor Stamp Club*, 1961, hlm. 13.

pertama di Pulau Pinang pada tahun 1882 adalah rentetan daripada kepesatan pengeluaran setem di Negeri-negeri Selat sejak setem pertama dikeluarkan. Kelab ini adalah kelab kecil yang menjalankan aktiviti pertukaran setem dan perkongsian maklumat.⁷⁰ Penubuhan Kelab Setem Selangor pada tahun 1947 adalah nadi untuk perkembangan dunia filateli tanah air yang bertukar nama kepada Persatuan Filateli Malaysia atau PFM pada tahun 1970 dan diterajui oleh tokoh tempatan. Peranan PFM adalah untuk mengembangkan hobi mengumpul bahan-bahan filateli terutamanya setem kepada masyarakat terutamanya golongan remaja dan seterusnya untuk memupuk kesedaran sejarah di kalangan mereka. Lantaran itu, PFM giat untuk menambah keahliannya dengan memfokuskan pertambahan dalam bilangan keahlian golongan remaja yang menyertainya. PFM dengan kerjasama Pos Malaysia giat mengaturkan pelbagai aktiviti dengan menjelajah ke sekolah-sekolah di Malaysia bagi menyebarluaskan hobi ini serta menginspirasikan penubuhan Kelab Setem di sekolah-sekolah. Namun hobi ini kurang mendapat sambutan terutamanya dalam kalangan generasi muda. Malahan, jumlah keahlian golongan remaja dalam PFM sejak tahun 1990-an semakin berkurangan. Bilangan ahli PFM yang majoritinya terdiri daripada kaum Cina. Agak menghairankan mengapakah orang Melayu masih belum terlibat aktif dalam dunia filateli. Maka, makalah ini akan mengupas persoalan mengapakah penglibatan orang Melayu termasuk golongan belia yang masih berkurangan dalam kegiatan filateli tanahair.

Penglibatan Golongan Remaja Dalam Persatuan Filateli Malaysia

Di awal penubuhan PFM, keanggotaannya adalah terdiri daripada golongan dewasa sama ada di dalam atau luar negara. PFM mensasarkan lebih ramai penyertaan golongan remaja dalam PFM agar persatuan ini boleh berkembang dengan baik. Bermula dengan jumlah keahlian PFM iaitu seramai 20 orang pada tahun 1947, PFM telah berusaha untuk menambah keahlian PFM sehingga mencapai jumlah sebanyak 1090 orang pada tahun 1997.⁷¹

Jumlah keahlian PFM mengalami pertambahan pada setiap tahun di era 1960 hingga 1980-an. Pada tahun 1984, ia mengalami penurunan dan meningkat kembali pada tahun-tahun yang berikutnya.⁷² Semua ini adalah bergantung kepada pembayaran yuran yang dibuat oleh ahli-ahli dan pembaharuan keahlian. Dalam hal ini, terdapat juga ahli yang membayar yuran seumur hidup dan kekal dalam PFM. Sebaliknya, terdapat ahli yang sekadar menyertai PFM buat kali pertama dan tidak aktif selepas itu. Oleh yang demikian, bilangan ahli PFM sentiasa berubah-ubah pada setiap tahun.

Persoalan yang ingin ditimbulkan adalah mengenai keahlian golongan remaja dalam PFM. Pada permulaan penubuhannya, tiada ahli remaja yang menyertai PFM. Hanya selepas tahun 1947, terdapat kurang daripada lima orang ahli remaja yang menyertai PFM. Mereka ini adalah terdiri daripada anak-anak dan saudara mara kepada anggota asal PFM.⁷³ Menjelang tahun 1951, terdapat seramai lebih kurang sembilan orang remaja yang menyertai PFM.⁷⁴ Semasa penubuhan PFM pada tahun 1947, PFM telah merancang program untuk golongan remaja. Namun, kebanyakan aktiviti hanya dimulakan pada tahun 1950-an sahaja. Program itu diteruskan pula pada tahun 1960-an sehingga tahun 1997.

⁷⁰ Gomis Johny K, "Sejarah Filateli di Malaysia", hlm. 3.

⁷¹ Temuramah dengan Encik Mak Kok Cheong


⁷² Temuramah dengan Encik Mak Kok Cheong. Pada tahun tersebut, berlakunya kemelesetan ekonomi di Malaysia. Oleh yang demikian, jualan setem dan bahan filateli agak merosot. Orang ramai lebih mengutamakan untuk membeli keperluan asas yang lebih penting.

⁷³ Temuramah dengan Encik C. Nagarajah.

⁷⁴ *Souvenir Programme Second Annual Stamp Exhibition 1951*, 22-23 September 1951, Y.M.C.A. Hall, Kuala Lumpur: Selangor Stamp Club, hlm. 3.

Antaranya, seperti Kembara Jelajah Setem, penubuhan Kelab-kelab Setem di sekolah, pameran-pameran setem, pesta jualan setem, ceramah, klinik setem dan lain-lain lagi. Namun, bilangan pengumpul remaja masih rendah jika dibandingkan dengan pengumpul-pengumpul filateli dewasa. Graf 1.1 membuktikan pernyataan ini.

Graf 1.1: Perbandingan Bilangan Keahlian Antara Pengumpul Dewasa dan Pengumpul Remaja Dalam PFM Dari Tahun 1950 – 1990-an.



Sumber : Mak Kok Cheong, AJK Keahlian PFM Tahun 2010.
Jurnal Pemungut Setem Malaysia tahun 1968- 1997.⁷⁵

Perincian di atas menunjukkan bahawa bilangan pengumpul remaja pada tahun 1950-an adalah seramai 102 orang. Pada tahun 1960 dan 1970-an, bilangannya bertambah manakala pada tahun 1980-an, terdapat peningkatan. Hal ini kerana di sekitar tahun 1960-an, kehidupan adalah tenang dan aman berbanding dengan masyarakat moden pada hari ini yang bergantung kepada teknologi ICT untuk segala kesenangan hidup. Pada tahun 1960-an hingga awal tahun 1980-an masih tiada ledakan teknologi maklumat. Oleh itu, mengumpul setem menjadi hobi yang amat popular di Tanah Melayu pada tahun 60-an. Bagi ibu bapa yang berpandangan jauh terutamanya yang tinggal di bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur, mereka amat menggalakkan anak-anak mengumpul setem sebagai satu cara untuk mengelakkan mereka daripada terlibat dalam gejala sosial yang negatif. Pada tahun 1970 dan 1980-an, *penpal* atau sahabat pena turut agak popular di Malaysia. Perkembangannya telah menarik perhatian golongan remaja yang mencari-cari sesuatu hiburan yang boleh dijadikan aktiviti masa lapang. Pengenalan *penpal* ini menjadi satu jaringan komunikasi yang menghubungkan pelajar-pelajar di Malaysia dengan para pelajar

⁷⁵ Temuramah dengan Encik Mak Kok Cheong. Menurut beliau, bilangan ahli remaja PFM yang diberi adalah dalam bentuk anggaran sahaja. Namun, penulis berusaha mendapatkan sumber ini daripada *Jurnal Pemungut Setem Malaysia* yang menyenaraikan nama ahli-ahli PFM serta kategori mereka. Maklumat ini juga tidak lengkap dan nama ahli-ahli tidak dapat disenaraikan sepenuhnya. Hal ini kerana tiada pendokumentasian yang tepat dan terperinci mengenai bilangan ahli mengikut kategori seperti kaum, jantina dan umur.

luar negara. Hal ini kerana jalinan persahabatan tersebut turut membawa kepada aktiviti bertukar-tukar setem dan pada masa yang sama para pelajar juga dapat menimba pengetahuan tentang budaya atau cara hidup rakan *penpal*.⁷⁶ PFM telah menjadi instrumen utama dalam jalinan komunikasi para pelajar dengan mewujudkan ruangan *penpal*. Setiap keluaran jurnal PFM mulai penghujung tahun 1960-an mengandungi ruangan *penpal* PFM dari dalam negeri dan luar negara. Rakan *penpal* ini mencari rakan-rakan yang mempunyai koleksi yang sama seperti diri mereka dengan tujuan untuk bertukar-tukar bahan filateli.⁷⁷ Oleh yang demikian, budaya mempunyai *penpal* menjadi daya tarikan kepada golongan remaja untuk mengumpul bahan filateli terutamanya setem.

Manakala pada tahun 1990-an, bilangan keahlian PFM mengalami peningkatan, namun jumlah keahlian pengumpul remaja masih lagi berkurangan. Senario ini berterusan pada alaf 2000.⁷⁸ Pengenalan teknologi maklumat iaitu internet menjadi punca kepada permasalahan ini. Golongan remaja di Malaysia mula terdedah kepada budaya teknologi maklumat yang begitu pantas menguasai perhatian mereka dan penglibatan golongan muda dalam Internet amat membimbangkan masyarakat kerana lebih terbuka kepada gejala sosial yang tidak diingini. Walau bagaimanapun, maklumat dalam carta di atas tidak boleh dijadikan kayu ukur yang tepat kerana terdapat pertambahan dan penurunan ahli setiap tahun. Namun, yang jelas keahlian para pengumpul remaja dalam PFM masih jauh kurang jika dibandingkan dengan pengumpul-pengumpul dewasa.

Melalui pemerhatian dan temuramah yang dijalankan, penulis mendapati bahawa terdapat banyak faktor yang menyebabkan permasalahan ini. Antaranya ialah kurangnya minat terhadap bahan-bahan filateli itu sendiri. Mengumpul bahan-bahan filateli harus disertai dengan minat yang sangat mendalam. Kadangkala, setem mungkin dianggap hanya sebagai secebis kertas sahaja manakala sampul surat mungkin dianggap sebagai sampah yang perlu dibuang setelah isinya dikeluarkan. Tambahan pula, bahan-bahan filateli yang dikeluarkan pada tahun sebelum kemerdekaan iaitu mulai tahun 1900 tidak mempunyai warna dan grafik yang menarik. Gambar-gambar yang diletakkan adalah sama iaitu gambar Ratu England. Selepas kemerdekaan pula hingga tahun 1970-an, hanya empat warna sahaja digunakan dalam setem. Gambar-gambar yang dipaparkan banyak berkisar kepada pembangunan ekonomi negara. Ketiadaan daya tarikan sebegini menyebabkan golongan remaja tidak berminat untuk mengumpul bahan filateli.⁷⁹ Namun, selepas tahun 1980-an, Jabatan Pos telah mengeluarkan produk filateli dengan pelbagai gambar yang berwarna-warni dan tema yang agak menarik. Meskipun demikian, jika sudah tiada minat, maka sukar untuk memaksa mereka untuk meminati hobi ini.

Selain itu, ketiadaan dorongan dan motivasi daripada keluarga, guru dan sahabat handai menjadi faktor permasalahan ini. Golongan remaja terutamanya pelajar-pelajar sekolah akan mudah mengikut perlakuan orang dewasa terutamanya ibu bapa mereka. Sekiranya ibu bapa mereka mempunyai hobi mengumpul bahan-bahan filateli, maka kemungkinan mereka juga akan mengikut jejak langkah ibu bapa. Ibu bapa tidak muhu

⁷⁶ Temuramah dengan Encik C. Nagarajah. Menurut beliau, hampir semua orang terutamanya di bandar-bandar mempunyai sekurang-kurangnya seorang *penpal*. Pengumpul-pengumpul setem menggunakan *penpal* sebagai saluran untuk mendapatkan setem kegemaran masing-masing.

⁷⁷ Temuramah dengan Encik V. Senthinathan. Kebiasannya, rakan *penpal* akan menulis menulis surat kepada *penpal* mereka. Apabila menerima balasan surat, setem yang dilekatkan atas surat boleh disimpan. Menurut beliau lagi, ruangan *Penpal* PFM ini berjaya membuka minda pengumpul-pengumpul setem tanah air untuk memperkayakan koleksi mereka selain memperbaiki kemahiran penulisan, pengetahuan mengenai sejarah negara dan mendapat kawan baru sama ada jauh atau dekat.

⁷⁸ Temuramah dengan Encik Mak Kok Cheong. Terdapat ahli yang kekal membayar yuran dan aktif dalam PFM untuk seumur hidup. Bilangan mereka tidak akan berubah. Terdapat juga ahli yang baru menjadi ahli. Oleh itu, bilangan keahlian pada tahun 1990-an dilihat bertambah kerana jumlahnya telah dicampurkan dari tahun-tahun sebelumnya. Namun, sebenarnya bilangan ahli remaja mengalami penurunan.

⁷⁹ Temuramah dengan Mr. Chris R. Steward.

mengeluarkan wang untuk membeli bahan-bahan filateli seperti setem dan buku setem. Ketiadaan elemen-elemen asas ini membuatkan niat mereka dilupakan begitu sahaja.⁸⁰ Terdapat juga di kalangan remaja yang bermingat setelah mendapat pendedahan mengenai hobi ini di sekolah. Hal ini adalah kerana pada penghujung tahun 1970-an, hobi ini giat dikembangkan oleh PFM di sekolah-sekolah dan diteruskan sebagai aktiviti ko-kurikulum pada tahun 1980-an dan 1990-an.⁸¹ Ketiadaan dorongan dan motivasi yang berterusan daripada guru-guru juga menjadi penyebab sehingga membantutkan golongan remaja untuk menceburkan diri secara serius. Kebanyakan guru di sekolah tidak sanggup mengorbankan masa yang sepenuhnya untuk aktiviti ini lantaran kesibukan menyelesaikan tugas yang lain. Tambahan pula, tiada anugerah atau pengiktirafan yang diberikan kepada guru-guru. Oleh yang demikian, penubuhan kelab setem di sekolah sering dipandang sepi sahaja.⁸²

Hobi mengumpul bahan-bahan filateli seharusnya dimulakan dari zaman kanak-kanak lagi. Jika kanak-kanak didedahkan dengan bahan-bahan filateli dari usia muda lagi, maka mereka dapat dilatih awal untuk memulakan aktiviti mengumpul.⁸³ Hal ini kerana kanak-kanak akan mudah mengingat dan menyukai sesuatu perkara jika dilakukan secara rutin harian. Permulaan untuk mengumpul adalah bermula dari rumah. Misalnya, apabila menerima bahan-bahan yang diposkan seperti surat, kad-kad perayaan, poskad dan lain-lain lagi, ibu bapa boleh memberikannya kepada anak-anak untuk disimpan. Selain itu, anak-anak harus diajar untuk mengasingkan setem dari sampul surat. Kemudian, mereka juga diajar cara-cara untuk menyimpan setem. Namun, tidak semua perkara ini dijadikan sebagai amalan keluarga.

Bahan-bahan filateli adalah sumber sejarah yang bernilai tinggi. Permasalahannya ialah, kekurangan kesedaran tentang kepentingan bahan-bahan filateli sebagai sumber sejarah. Kesedaran sejarah ialah kesedaran terhadap pentingnya sejarah atau himpunan peristiwa atau pengalaman masa lalu itu di dalam kehidupan kita sehari-harian.⁸⁴ Bahan filateli adalah sumber sejarah yang menarik jika ia dipersembahkan dengan cara yang kreatif dan inovatif. Ramly Yaacob, iaitu pengumpul setem yang terkenal di Kelantan, menyatakan bahawa golongan remaja tidak menyedari akan kelebihan mengumpul setem iaitu dapat mengetahui tamadun sesebuah masyarakat dan negara, sebagai perakam sejarah, sumber geografi, politik, produk sesebuah bangsa, dan merakamkan nilai-nilai

⁸⁰ Temuramah dengan Encik Adam Malek.

⁸¹ KP(BS)8591/Jld. II(29). Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 1/1985- Penubuhan Jawatankuasa Bimbingan Pelajar Sekolah, hlm. 25. Pada ketika itu, Tan Sri Sheikh Hussein amat menggalakkan setiap pelajar agar mempunyai sekurang-kurangnya satu hobi.

⁸² Temuramah dengan Dato' Anuar Bashah. Guru-guru harus diberi ganjaran yang boleh meningkatkan imej perkhidmatannya. Misalnya, sijil penghargaan dan anugerah lain.

⁸³ Temuramah dengan Christopher R. Steward. Beliau menjelaskan bahawa kebanyakan filatelistis yang tersohor pada hari ini memulakan hobi mengumpul bahan filateli sejak dari peringkat tadika lagi. Steven, M. Gelber, "Free Market Metaphor: The Historical Dynamics of Stamps Collecting," *Society Comparative Studies in Society and History*, 34(4), 1992, hlm. 747. Pengkaji mengaitkan pengenalan kapitalisme di Amerika Syarikat pada pertengahan kurun ke-19 telah membawa kepada perkembangan pengeluaran setem sebagai satu revolusi industri. Hobi mengumpul setem adalah satu cara bagi melatih kanak-kanak terutamanya lelaki untuk memahami pasaran terbuka dalam sistem ekonomi.

⁸⁴ Muhamad Yusoff Ibrahim, "Kesedaran sejarah: Satu tinjauan umum terhadap pengertian fungsi dan perkembangannya di dalam masyarakat Melayu", *Seminar Sejarah Malaysia Modern Penilaian ke Atas Pembinaan Negara Bangsa*, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 21-22 Disember, 1992, hlm. 1. Kesedaran ini adalah berasaskan kepada kefahaman tentang fungsi atau kegunaan sejarah sebagai satu kesinambungan iaitu proses yang bergerak terus-menerus melalui ruang dan waktu.

kehidupan masyarakat.⁸⁵ Hal ini kerana mereka tidak mendapat pendedahan yang meluas lantaran tiada ilmu dan tidak memahami konsep filateli itu sendiri.

Di samping itu juga, golongan remaja kebiasaannya mempunyai banyak hobi dalam satu-satu masa. Hobi di kalangan remaja adalah berbentuk hobi bermusim. Hobi ini boleh didefinisikan sebagai hobi yang mengikut perkembangan semasa. Misalnya, sekiranya pada masa itu aktiviti berbasikal menjadi kegilaan ramai, maka mereka akan memilih untuk berbasikal. Kemunculan hobi lain selepas itu juga akan mempengaruhi golongan remaja yang mudah terikut-ikut dengan trend semasa.⁸⁶ Misalnya, pada tahun 1980-an, kegilaan terhadap permainan Yo-Yo dan basikal BMX sangat mengujakan golongan remaja. Oleh yang demikian, mereka tidak mempunyai hobi yang tetap dan akan sentiasa berubah-ubah kerana mahu mencuba sesuatu yang baru.⁸⁷

Hobi mengumpul bahan filateli memerlukan kesabaran dan mementingkan ketelitian. Hal ini kerana bahan filateli perlu dijaga dan dipelihara dengan sebaik-baiknya kerana ia mudah rosak. Penjagaan yang rumit ini menjadi punca untuk tidak meminati hobi ini. Kebanyakan golongan remaja menganggap hobi ini amat membosankan. Golongan remaja cepat merasa bosan kerana perlu memberikan penumpuan khusus kepada bahan filateli dan tidak memerlukan pergerakan aktif. Sikap ini dipengaruhi oleh pemikiran remaja yang masih belum matang dan lebih berminat untuk bersukaria. Oleh yang demikian, mereka akan memilih untuk melakukan aktiviti yang lebih mencabar dan lasak daripada melihat bahan-bahan filateli.

Pengenalan teknologi maklumat dan internet pada awal tahun 1990-an telah merubah persepsi dan pemikiran masyarakat Malaysia terutamanya golongan remaja. Perkembangan ini mempengaruhi fokus mereka sehingga dialihkan ke arah penggunaan teknologi maklumat. Golongan remaja menganggap bahawa teknologi maklumat lebih menarik daripada mengumpul bahan filateli. Hubungan komunikasi menjadi lebih mudah tanpa batasan. Mereka menganggap adalah lebih mudah menggunakan teknologi maklumat untuk berhubung di antara satu sama lain. Daya tarikan yang dipaparkan melalui laman sosial seperti internet sangat menarik perhatian golongan ini. Misalnya, permainan komputer, laman sembang, hiburan dan muzik dan lain-lain lagi.⁸⁸ Oleh yang demikian, mereka akan leka dan tidak memikirkan perkara lain.

Persoalan utama juga ialah kemungkinan golongan remaja tidak mengetahui tentang kewujudan PFM sebagai sebuah persatuan yang dianggotai oleh pengumpul-pengumpul setem. Semasa Pos Malaysia mengadakan program menjelajah ke sekolah-sekolah, satu tinjauan mendapati bahawa terdapat ramai golongan remaja tidak menyedari akan kewujudan hobi mengumpul setem dan adanya Persatuan Filateli Malaysia.⁸⁹ Bukan sahaja pelajar-pelajar sekolah, penuntut-penuntut universiti pun tidak mengetahui apakah itu filateli. Tinjauan penulis terhadap sepuluh orang pelajar USM Pulau Pinang juga mendapati bahawa mereka tidak pernah mendengar atau mengetahui istilah filateli. Namun, apabila diajukan soalan mengenai setem, mereka lebih mudah memahaminya. Hal ini mungkin disebabkan oleh kurangnya pendedahan oleh PFM dan cawangan Kelab Setem di peringkat negeri yang kurang aktif.

⁸⁵ <http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp>, diakses pada 20 Januari, 2014.

⁸⁶ Temuramah dengan Encik Azharudin Azmi.

⁸⁷ Temuramah dengan Encik Adam Malek.

⁸⁸ Temuramah dengan Encik V. Senthinathan.

⁸⁹ Temuramah dengan Encik Mohd Zainudin Noor Rosdy.

Kemunculan teknologi maklumat juga membawa perubahan kepada urusan surat-menyurat. Penulisan dan penghantaran surat dianggap remeh dan lambat. Oleh yang demikian, alternatif dengan memilih cara yang mudah dan pantas iaitu menghantar e-mel dan *Facebook* dengan menggunakan internet. Golongan remaja yang membesar pada era 1990-an kurang didedahkan dengan budaya suka menulis surat seperti yang dilakukan oleh remaja di era tahun 1950 -1980-an kerana mereka dipengaruhi oleh persekitaran yang serba pantas.⁹⁰ Menjelang tahun 1990, keseluruhan sistem pos akan digantikan dengan teknologi maklumat. Oleh yang demikian, penghantaran surat menggunakan setem dan poskad sudah tidak relevan lagi. Sistem komunikasi akan menjadi lebih canggih dan secara beransur-ansur, bilangan penghantaran surat akan berkurangan. Maka, pastinya mereka tidak mengenali rupa bentuk keluaran filateli seperti setem. Walaupun demikian, pentas PFM telah menyaksikan kelahiran filatelist-filatelist yang telah melibatkan diri dalam bidang filateli sejak di bangku sekolah lagi. Ramai di antara mereka yang sangat setia dengan hobi ini sehingga ke akhir hayat mereka. PFM telah melahirkan filatelist-filatelist muda yang penuh komited dan berjaya menjadi filatelist tersohor. Namun, PFM hanya berjaya melahirkan filatelist-filatelist muda di antara tahun-tahun 1960-an hingga 1980-an tetapi penglibatan remaja dalam bidang ini merudum selepas period 1990-an. Namun begitu, usaha untuk meningkatkan bilangan keahlian dalam golongan remaja terus diusahakan oleh PFM pada tahun 2000.

Antara tokoh-tokoh muda yang pernah bergiat aktif dalam PFM adalah Tan Chee Hui, Robert Khoo, Shalinee Subramaniam dan beberapa orang lagi. Namun, apabila mereka menyambung ke tahap pengajian tinggi, penglibatan dalam PFM agak terbatas. Hanya pada tahun 2000, PFM giat mencungkil bakat remaja yang baru seperti Azharudin Azmi, Nur Nabilah Ahmad, Johnson Sau dan Austin Foo.

Penglibatan Orang Melayu Dalam Persatuan Filateli Malaysia

Hobi mengumpul bahan filateli adalah terbuka kepada sesiapa sahaja tanpa mengira bangsa, agama dan negara asalkan ada minat yang mendalam. Tidak kira di bandar atau ceruk-ceruk desa, hobi mengumpul setem ini dikembangkan terutamanya kepada murid-murid di sekolah rendah lagi. PFM giat mengadakan promosi mengenai hobi ini giat dijalankan dengan pelbagai inisiatif dan aktiviti yang dapat menarik minat semua kaum. Namun begitu, hasil dari kajian yang dijalankan, didapati bahawa bilangan orang Melayu yang terlibat dalam bidang filateli amatlah kurang berbanding dengan kaum Cina.

Rentenan dari bilangan kaum Melayu yang kurang penglibatannya, maka AJK Tertinggi PFM juga telah didominasi oleh kaum bukan Melayu. Unsur dominasi ini juga mungkin mempengaruhi sikap orang Melayu yang tidak mahu bersaing dengan orang Cina. Situasi ini menyebabkan PFM diberi gelaran sebagai persatuan untuk orang Cina sahaja.⁹¹ Hanya segelintir orang Melayu yang bergiat aktif dalam bidang ini. Antara tokoh-tokoh Melayu terawal PFM ialah Encik C.L.A Majid,⁹² Encik Syed Abdul Aziz, Tan Sri Sheikh


⁹⁰ Hochfelder, B., "Do We Need a Postal System? Thoughts on a Twenty-First Century Federal Communication Policy," dalam Thomas Lera, The Winton M. Blont Postal History Symposium: Vol. 56, Select Papers, 2010-2011, 2012, Washington DC: Smithsonian Institution Schorlarly Press, hlm. 1.

⁹¹ Temuramah dengan Dato' Anuar Bashah.

⁹² Temuramah dengan Encik C. Nagarajah. Encik C.L.A. Majid adalah seorang peniaga tekstil yang berminat dalam bidang filateli.

Hussein Sheikh Mohamad yang pernah menjawat jawatan Presiden PFM dan Dato Anuar Bashah sebagai AJK PFM. Graf 1.2 menunjukkan aliran ini.

**Graf 1.2 : Bilangan Ahli-Ahli Filatelis Melayu yang Menyertai PFM
Antara Tahun 1960-an hingga 1990-an**



Sumber : *Jurnal Pemungut Setem Malaysia* dari tahun 1968-1997.⁹³

Persoalan mengenai kurangnya penglibatan orang Melayu tidak harus dijadikan sebagai batu ukur untuk menganggap bahawa orang Melayu tidak berminat dalam bidang filateli. Terdapat banyak faktor yang menyebabkan keadaan ini. Melalui temuramah yang dilakukan dalam kalangan filatelis Cina dan India, didapati ada beberapa faktor yang menjadi penghalang kepada penglibatan orang Melayu dalam dunia filateli. Antara faktor-faktor terpenting adalah kedudukan geografi PFM, pendedahan yang kurang terhadap kewujudan institusi filateli, aspek kewangan orang Melayu dan ketiadaan satu badan kerajaan pada masa itu untuk mempromosi ilmu filateli dalam kalangan orang Melayu. Minat yang tinggi dan semangat adalah kunci kepada kejayaan dalam bidang filateli ini. Salah satu faktor ialah persekitaran yang turut memainkan peranan penting mendorong seseorang untuk mengumpul bahan-bahan filateli. Misalnya, pelajar-pelajar yang tinggal di bandar lebih terdedah kepada perkembangan filateli lantaran terdapat kelab-kelab filateli di

⁹³Jadual menunjukkan anggaran bilangan ahli berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada *Jurnal Pemungut Setem Malaysia* dan informasi yang dibekalkan oleh filatelis senior iaitu Encik Mak Kok Cheong. Maklumat yang diberikan dalam Jurnal PFM sangat terbatas dan penulis menghuraikan mengikut sumber yang dipaparkan sahaja.

sekolah-sekolah mereka. Tambahan pula, para pelajar dan pengumpul remaja mudah untuk mendapatkan bahan-bahan filateli melalui pameran-pameran dan dari pengedar-pengedar filateli berbanding pelajar-pelajar di luar bandar.⁹⁴ Kedudukan geografi dan latar belakang yang berbeza ini memang mempengaruhi mentaliti seseorang untuk mewujudkan sesuatu hobi dalam dirinya. Justeru ramai orang Melayu yang memilih hobi mengumpul setem semasa di bangku persekolahan, tetapi tidak menonjolkan diri dengan bergiat aktif di dalam persatuan-persatuan filateli.⁹⁵

Faktor kedua ialah kerana ibu bapa sendiri tidak menggalakkan anak-anak mereka untuk mengumpul setem kerana dikatakan hobi ini adalah membazir. Ini adalah kerana untuk memiliki setem memerlukan wang dan mereka tidak berkemampuan untuk membelinya. Persepsi ibu bapa ialah mengutamakan keperluan sekolah seperti buku-buku persekolahan dan lain-lain keperluan asas untuk anak-anak mereka. Menurut sejarawan Abdul Rahman Haji Ismail, kemungkinan besar ibu bapa tidak mempunyai pengetahuan meluas tentang kepentingan mengumpul setem, maka ramai anak-anak Melayu kekurangan ilmu mengenai budaya filateli di Malaysia.⁹⁶ Manakala ibu bapa yang berasal dari kampung-kampung pula merasakan adalah lebih baik jika anak-anak mereka mendalamai ilmu agama dengan mengajni Al-Quran kerana dianggap lebih berfaedah.⁹⁷

Di samping itu juga, hobi mengumpul bahan-bahan filateli ini memerlukan pelaburan yang tinggi. Para pengumpul perlu meluangkan banyak masa untuk menyusun koleksi-koleksi mereka serta mempunyai kewangan yang kukuh agar bahan-bahan ini diperolehi dengan mudah. Aspek kewangan dan sikap orang-orang Melayu agak kurang sabar dan cepat mengalah mengakibatkan penglibatan orang Melayu terhad dalam PFM. Ini kerana dalam minda orang Melayu sudah terpahat bahawa hobi mengumpul setem memerlukan perbelanjaan yang tinggi. Selepas kemerdekaan terutamanya tahun 1960-1970-an, kedudukan orang Melayu yang jauh ketinggalan berbanding dengan orang Cina khususnya dari segi ekonomi dan taraf hidup.⁹⁸ Pengenalan Dasar Ekonomi Baru pada tahun 1960 adalah seiring dengan perkembangan dalam trend keahlian PFM. Pada ketika itu, orang Melayu telah tersisih seperti orang India dalam penyertaan PFM kerana masalah kewangan dan mereka merasakan harus memenuhi keperluan asas yang lain daripada membeli bahan-bahan filateli.

Faktor komunikasi juga menjadi halangan bagi orang Melayu untuk melibatkan diri dalam PFM. Umumnya, kebanyakan ahli PFM dikuasai oleh kumpulan veteran bukan Melayu yang lebih selesa dan banyak berkomunikasi dalam bahasa Inggeris. Di awal tahun 1950-an-1970-an, medium komunikasi PFM dan semasa pameran filateli adalah dalam bahasa Inggeris.⁹⁹ Pengumpul setem berbangsa Melayu agak janggal dan tidak berkeyakinan untuk berbahasa Inggeris.¹⁰⁰ Oleh yang demikian, mereka jarang melibatkan

⁹⁴ Temuramah dengan Encik Adam Malek Ishak.

⁹⁵ Wan Sakinah Wan Ibrahim, *Mengumpul Setem*, hlm. 34. Para pelajar sekolah adalah golongan yang gemar mengumpul setem lantaran promosi diperhebatkan dan dorongan dipertingkatkan daripada pihak guru. Minat ini kadangkala diteruskan sehingga mereka bekerja dan hingga ke akhir hayat. Namun ada yang berhenti dan minat ini terus berkubur begitu sahaja.

⁹⁶ Temuramah dengan Prof. Madya Abdul Rahman Haji Ismail.

⁹⁷ Temuramah dengan Dato' Anuar Bashah.

⁹⁸ Temuramah dengan Dato' Anuar Bashah. Beliau menyatakan bahawa tidak semua orang Melayu begitu. Namun, kadangkala orang Melayu tidak menyukai perkara yang remeh-temeh dan cerewet seperti mengendalikan setem. Mereka mudah berasa bosan.

⁹⁹ Temuramah dengan Dr. Chua Hock Khoon.

¹⁰⁰ Temuramah dengan Encik Wan Suhaimi Arifin. Beliau sering mengikuti perkembangan filateli di Indonesia lantaran minat mengumpul koleksi filateli Indonesia yang banyak mempunyai persamaan dengan sejarah Malaysia.

diri dalam PFM dan hanya mengumpul untuk memenuhi kepuasan diri sahaja tanpa berniat untuk mengembangkannya. Tambah beliau lagi, suasana janggal ini tidak berlaku di Indonesia di mana setiap provinsi ada kelab setem yang aktif dan pamerannya majoriti dalam bahasa Indonesia. Justeru, filateli di negara mereka berkembang dengan baik dan pesat.¹⁰¹

Kaum Melayu pada masa itu juga tidak mempunyai kesedaran tentang nilai setem di masa jangka panjang. Hal ini kerana orang Melayu tiada dorongan untuk mengumpul setem secara professional, membuat pameran, melawat pameran di peringkat kebangsaan dan antarabangsa, mengumpul setem sebagai pelaburan dan mendapat pulangan jangka panjang dari hobi ini.¹⁰² Berbanding dengan kaum Cina dan India yang mengumpul bahan filateli ini, mereka mempunyai '*passion*' atau minat yang sangat mendalam dalam dunia filateli. Oleh yang demikian, mereka sanggup menghabiskan banyak wang semata-mata untuk filateli. Sementara itu pula, orang Cina mahir dalam bidang perniagaan. Justeru, mereka bijak untuk membuat pelaburan bagi hobi mereka. Orang Cina sanggup membuat pelaburan dengan membeli bahan-bahan filateli dan akan menyimpannya selama beberapa tahun. Setelah beberapa tahun, bahan tersebut akan dijual dengan harga yang lebih tinggi. Wang tersebut akan digunakan pula untuk membeli bahan filateli yang lebih bernilai tinggi. Pelaburan ini dianggap berbaloi dan sudah menjadi trend yang juga diikuti oleh generasi muda kaum Cina.

Menyedari hakikat ini, maka Pos Malaysia telah menubuhkan lebih banyak cawangan Biro Filateli untuk memudahkan golongan remaja Melayu mengumpul bahan-bahan filateli. Sewajarnya, Jabatan Pos mengasaskan satu Unit Filateli di bawah Biro Filateli bagi remaja Melayu. Namun demikian, ini bukanlah bererti bahawa orang Melayu terus ketinggalan dalam perkembangan bidang filateli. Di Malaysia, terdapat ramai filatelis Melayu yang hebat, tetapi tidak ditonjolkan. Misalnya, Ramly Yaacob dari Kelantan yang juga menjadi ahli PFM. Jika C. Nagarajah dikenali sebagai Pengumpul Sejuta Setem,¹⁰³ maka Ramly digelar sebagai Raja Setem di Kelantan. Ramly dianggap sebagai pengumpul setem Melayu terunggul di negara ini kerana penglibatan serta minatnya yang mendalam dalam hobi tersebut sejak tahun 1954 lagi.¹⁰⁴

Rumusan

Sebagai rumus bicara, PFM tidak begitu berjaya mengembangkan hobi mengumpul bahan filateli kepada golongan remaja terutamanya selepas period 1990-an. Meskipun demikian, PFM hanyalah sebagai sebuah badan NGO, tetapi mampu memberi sumbangan besar dalam mengembangkan bidang filateli di Malaysia. Pos Malaysia harus berterima kasih kepada PFM kerana tanpa usaha PFM, maka Pos Malaysia tidak akan dapat berdiri teguh sehingga ke hari ini. PFM telah meletakkan asas dengan menarik minat golongan

¹⁰¹ Temuramah dengan Encik Wan Suhaimi Arifin, 25 Ogos 2013.

¹⁰² Temuramah dengan Encik Wan Suhaimi Arifin. Kebanyakan mereka adalah berasal dari kampung atau kawasan pedalaman. Pengetahuan mereka agak kurang meluas mengenai hobi ini.

¹⁰³ Kosmo, 29 Mac, 2008.

¹⁰⁴ <http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp>, diakses pada 20 Januari, 2014. Ketika bersekolah, Ramly mempunyai *penpal* dari Australia, England, New Zealand dan negara-negara Komanwel yang lain. Sehinggalah bekerja dan mempunyai pendapatan sendiri, hobi itu disuburkan lagi dengan mengikuti kursus pengumpulan setem secara pos di sebuah agensi di England. Beliau kerap mengadakan membantu PFM pameran-pameran setem di sekolah-sekolah di Kelantan dan menjadi pakar rujuk kepada pelajar-pelajar sekolah mengenai filateli.

remaja dan muda-mudi untuk mempunyai hobi mengumpul bahan-bahan filateli dan melahirkan tokoh-tokoh filateli muda sejak 1960-an hingga 1980-an. Walaupun terdapat cabaran besar dalam mengembangkan hobi dalam era teknologi maklumat, namun PFM tetap meneruskan usahanya menambah bilangan keahlian PFM dan melahirkan filatelis bertaraf dunia. Biarpun tidak ramai, sekurang-kurangnya PFM telah menjalankan berusaha menjalankan tanggungjawabnya dengan sebaik mungkin.

Demikian juga dengan penglibatan orang Melayu yang agak sedikit bilangannya. Hal ini bukanlah bererti bahawa hobi ini tidak diminati. Harus dilihat dari pelbagai faktor yang menjadi kekangan untuk menceburi bidang ini terutamanya faktor kewangan, komunikasi, minat, kurangnya pengetahuan tentang filateli dan sebagainya. Oleh yang demikian, PFM harus mengatur strategi yang lebih rapi dan bekerja keras bagi menarik pengumpul-pengumpul remaja dan orang Melayu agar menyertai PFM. PFM harus membuat penilaian kembali perancangan PFM dalam mempromosikan persatuannya dan membuat penambahbaikan agar lebih dikenali ramai.

Antaranya ialah dengan memberikan cadangan dalam Majlis Penasihat Setem untuk mengeluarkan tema-tema keluaran filateli yang dapat menarik dan bersesuaian dengan citarasa mereka. Tema-tema setem mengikut negeri harus diperluaskan kerana setakat ini tema setem lebih menjurus kepada tema peringkat nasional. Pengenalan tema setem yang dapat menarik perhatian kanak-kanak seperti Upin dan Ipin pada tahun 2013 adalah langkah yang bijak. Tema-tema yang bersifat sejarah dan 1 Malaysia harus diberi keutamaan seperti catatan peristiwa bersejarah, institusi beraja, monumen dan sebagainya.

Meskipun urusan surat-menyerat semakin berkurangan, namun bilangan setem yang dikeluarkan tidak harus dikurangkan. Sebaliknya, perlu ditambah bilangannya agar dapat dipromosikan di pesta jualan filateli. Harga bahan-bahan filateli yang dijual haruslah berpadanan dan mampu dibeli oleh semua golongan. Cawangan-cawangan persatuan filateli negeri harus diaktifkan agar dapat menarik lebih ramai pengumpul. Dengan cara ini, pengumpul-pengumpul tidak perlu ke Kuala Lumpur dan boleh bergiat aktif di peringkat negeri. Kementerian Pendidikan Malaysia harus mewajibkan setiap sekolah agar menuahkan Kelab Filateli Sekolah masing-masing. Guru-guru harus diberi ganjaran yang setimpal agar mereka dapat mendidik generasi muda untuk mengenali dan mengumpul bahan filateli yang berperanan sebagai sumber sejarah negara. Pos Malaysia dan Pejabat Pos Cawangan-cawangan Negeri harus memperhebatkan program Kembara Jelajah Setem terutamanya ke sekolah-sekolah yang terletak di pinggir bandar, kampung-kampung dan kawasan pedalaman untuk mempromosikan hobi ini. Sejak tahun 2010, PFM juga menjalinkan kerjasama dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia. Suruhanjaya ini giat membantu PFM dan Pos Malaysia untuk menjalankan pameran filateli di seluruh Malaysia dengan memberikan bantuan kewangan. PFM juga harus memainkan peranan penting dalam memberikan sokongan padu dengan menyumbangkan kemahiran dan kepakaran yang dimiliki bagi merealisasikan hasrat ini. PFM perlu digerakkan oleh generasi baru yang menggunakan medium Bahasa Melayu agar komunikasi menjadi lebih mudah. Diharapkan melalui filateli dan PFM, usaha untuk memupuk semangat patriotisme dan kesedaran tentang kepentingan sejarah kepada golongan remaja dapat direalisasikan.

RUJUKAN

Abdul Rahman Ismail. (2013, Dis 5). Temu ramah.

Adam Malek Ishak. (2013, Dis 9). Temu ramah.

- Anuar Bashah. (2013, Ogos 25). Temu ramah.
- Azharudin Azmi. (2014, Jan 14). Temu ramah.
- Brunn, S.D. (2014, Dis 28). Temu ramah.
- Chua, H.K. (2013, Jun 2). Temu ramah.
- Gelber, S. (2013, Okt 20). Temu ramah.
- Gelber, S.M. (1992). Free Market Metaphor: The Historical Dynamics of Stamps Collecting. *Society of Comparative Studies in Society and History*, 34(4), 742-769.
- Gomis J. K. (2005). "Sejarah Filateli di Malaysia 1867-2000," *Latihan Ilmiah Sarjana Muda*, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Hochfelder, B. (2012). Do We Need a Postal System? Thoughts on a Twenty-First Century Federal Communication Policy," dalam Thomas Lera. The Winton M. Blont Postal History Symposium, 56, Select Papers, 2010-2011, Washington DC: Smitsonian Institution Schorlarly Press, hlm. 1-8.
- Jurnal Pemungut Setem Malaysia* (1968- 1997).
- KP (BS) 8591/Jld. II (29). Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 1/1985-Penubuhan Jawatankuasa Bimbingan Pelajar Sekolah.
- Mak, K.C. (2013, Ogos 24). Temu ramah.
- Mohd Kassim Ali (1986). *Pengenalan Harta Kebudayaan Negara*. PURBA, 5, 39-41.
- Mohd Zainudin Noor Rosdy. (2013, Jun 7). Temu ramah.
- Muhd Yusoff Ibrahim (1992). Kesedaran sejarah: Satu tinjauan umum terhadap pengertian fungsi dan perkembangannya di dalam masyarakat Melayu. *Seminar Sejarah Malaysia Moden Penilaian ke Atas Pembinaan Negara Bangsa*. 21-22 Disember. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nagarajah, C. (2013, Nov 20). Temu ramah.
- Reid, D.M. (1984). The Symbolism of Postage Stamps: A Source for the Historian. *Journal of Contemporary History*, 19, 210 - 230.
- Senthinathan, V. (2013, Ogos 25). Temu ramah.
- Souvenir Programme Second Annual Stamp Exhibition* (1951, September 22-23). Y.M.C.A. Hall, Kuala Lumpur: Selangor Stamp Club.
- Stewart, C.R. (2013, Jun 22). Temu ramah.

Tan, C.H. (2013, Okt 25). Temu ramah.

Wan Sakinah Wan Ibrahim (1993). *Mengumpul Setem*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.

Wan Suhaimi Arifin. (2013, Ogos 25). Temu ramah.

Wood, F.E. (1981). *The Postage Stamps of The Federated Malay States, Johore, Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Selangor, Straits Settlements, Sungei Ujong and Terengganu*. Kuala Lumpur: Persatuan Filateli Malaysia.